



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
MINISTRY OF YOUTH AND SPORTS
Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA
MALAYSIA



1MOCC: +603-8000 8000
Faks (Fax): +603-8888 8770
Laman Web (Web): www.kbs.gov.my

Rujukan : KBS.100-1/7/4(3)
Tarikh: 19 Mei 2015

EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan

SURAT PEKELILING BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
BILANGAN 6 TAHUN 2015

Pewujudan Kod Hasil Bagi bayaran Pendaftaran dan carian Maklumat Pertubuhan
Belia dan Badan Sukan dan Sewaan Kemudahan dan Peralatan Sukan


1.0 TUJUAN

Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk memaklumkan pewujudan kod hasil baru bagi bayaran **Pendaftaran dan carian Maklumat Pertubuhan Belia dan Badan Sukan dan Sewaan Kemudahan dan Peralatan Sukan** di Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan PS 1.1/2013 berkaitan Penjenisan Kod Hasil Dan Perbelanjaan, tiada kod penjenisan hasil yang khusus bagi mengakaunkan bayaran **Pendaftaran dan carian Maklumat Pertubuhan Belia dan Badan Sukan dan Sewaan Kemudahan dan Peralatan Sukan**. Oleh yang demikian, hasil tersebut dikategorikan sebagai hasil pelbagai yang mana tidak menggambarkan hasil sebenar kementerian.
- 2.2 Sehubungan itu, KBS telah memohon kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bagi mewujudkan kod hasil yang lebih spesifik untuk mengakaunkan kutipan hasil tersebut. JANM melalui surat kelulusan rujukan ANM/POPA/SPP/3/7(37) telah bersetuju mewujudkan dua kod hasil seperti berikut untuk digunakan oleh semua Pejabat Pemungut KBS:

1BELIA 1MALAYSIA



Kod	Perihal
71915	Pendaftaran dan carian Maklumat Pertubuhan Belia dan Badan Sukan
74901	Sewaan Kemudahan dan Peralatan Sukan

2.3 Pejabat Pemungut boleh merujuk pewujudan kod hasil baru tersebut melalui Pekeliling 1PP iaitu rujukan **PS 1.1/2013: Tambahan Kod Objek di Lampiran B** di laman sesawang **www.treasury.gov.my**.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pejabat Pemungut di bawah KBS yang mempunyai kutipan hasil bagi bayaran **Pendaftaran dan carian Maklumat Pertubuhan Belia dan Badan Sukan** dan **Sewaan Kemudahan dan Peralatan Sukan** hendaklah memperakaunkan hasil tersebut dengan menggunakan kod hasil baru yang telah diluluskan ini.

3.2 Semua hasil bagi bayaran **Pendaftaran dan carian Maklumat Pertubuhan Belia dan Badan Sukan** dan **Sewaan Kemudahan dan Peralatan Sukan** yang telah dikutip mulai 1 Januari 2015 sehingga kini dan telah diperakaunkan di bawah kod-kod yang lama hendaklah dibuat pelarasan dan diperakaunkan di bawah kod-kod hasil yang baru.

4.0 TARIKH KUATKUASA


4.1 Garis panduan ini berkuat kuasa serta merta.

4.2 Sebarang pertanyaan/ penjelasan lanjut berhubung garis panduan ini, YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan boleh merujuk kepada Unit Akaun, Bahagian Akaun.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(NORLIZA BINTI AHMAD)

Ketua Akauntan

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Belia & Sukan Malaysia